

ASNAF'S PERCEPTION OF THE IMPLEMENTATION OF THE FOOD BANK PROGRAM BY LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

Siti Nurjannati Mohamed¹, Abdul Ghafar Don & Anuar Puteh

¹Corresponding author: p118425@siswa.ukm.edu.my

ABSTRACT: *This article examines the perceptions of asnaf (zakat recipients) regarding the implementation of the Food Bank Programme by the Kedah State Zakat Board (LZNK), which aims to ensure food security among the poor and needy. Although this programme plays an important role in meeting basic food needs, empirical studies on its effectiveness and implications for Islamic welfare remain limited. Therefore, this study aims to analyse the demographic profile of beneficiaries, evaluate the effectiveness of the programme's implementation at mosques, and assess asnaf perceptions of the quality and suitability of the assistance received. The study employed a quantitative descriptive design through the distribution of questionnaires to 240 respondents across six selected mosques in Kedah. Data were analysed using SPSS version 29, involving frequency, percentage, and mean score analyses. The findings indicate that the asnaf's perception of programme implementation was high (mean = 4.48–4.93), while the overall evaluation of its effectiveness recorded mean scores ranging from 4.87 to 4.98. More than 90% of recipients reported improved food security and positive satisfaction with the assistance provided. These results demonstrate that the Foodbank LZNK not only fulfils physical needs but also contributes positively to the social, psychological, and spiritual well-being of recipients. Nevertheless, several challenges remain in distribution efficiency and long-term programme sustainability. The study's implications highlight the crucial role of zakat institutions as community-based implementers of Islamic welfare, advocating for a more systematic, transparent, and inclusive distribution mechanism aligned with the principles of maqāṣid al-sharī'ah and social justice in Islam.*

ARTICLE HISTORY

Received:
Oct 25, 2025

Accepted:
Dec 10, 2025

Published:
Dec 30, 2025

KEYWORDS

Asnaf perception;
LZNK Food Bank
Program; poor and
needy; food
security; zakat.

PERSEPSI ASNAF TERHADAP PELAKSANAAN PROGRAM BANK MAKANAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH

ABSTRAK: Artikel ini meneliti persepsi golongan asnaf terhadap pelaksanaan Program Bank Makanan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang bertujuan memastikan keterjaminan makanan dalam kalangan fakir dan miskin. Walaupun program ini memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan asas makanan, kajian empirikal mengenai keberkesanan pelaksanaannya dan implikasinya terhadap kebajikan Islam masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan menganalisis profil demografi penerima bantuan, menilai keberkesanan pelaksanaan program di masjid, serta meneliti persepsi asnaf terhadap kualiti dan kesesuaian bantuan yang diterima. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif deskriptif melalui pengedaran soal selidik kepada 240 responden di enam buah masjid terpilih di negeri Kedah. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 29 melalui analisis kekerapan, peratusan dan skor min. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap persepsi asnaf terhadap pelaksanaan program berada pada tahap tinggi (min = 4.48–4.93), manakala penilaian terhadap keberkesanan keseluruhan program mencatatkan min antara 4.87–4.98. Lebih daripada 90% penerima bantuan melaporkan peningkatan keterjaminan makanan dan kepuasan positif terhadap bantuan yang diterima. Dapatan ini membuktikan bahawa program *Foodbank LZNK* bukan sahaja memenuhi dimensi fizikal, tetapi turut memberi kesan sosial, psikologi dan spiritual kepada penerima. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran dalam aspek pengagihan dan keberkesanan jangka panjang masih perlu diberi perhatian. Implikasi kajian menegaskan peranan penting institusi zakat sebagai pelaksana kebajikan Islam berasaskan komuniti, yang menuntut sistem agihan yang lebih sistematik, telus dan inklusif, selaras dengan prinsip maqāṣid al-sharī'ah dan keadilan sosial dalam Islam.

KATA KUNCI:

Persepsi asnaf;
Bank makanan;
Fakir miskin;
Keterjaminan
makanan; Zakat

To cite:

Mohamed, S. N.,
Don, A. G. & Puteh,
A. (2025). Asnaf's
Perception of the
Implementation of
the Food Bank
Program by
Lembaga Zakat
Negeri
Kedah. *Jurnal Al-
Hikmah*, 17(2), 63-
77. Doi:
10.17576/alhikma
h.2025.172/577

PENDAHULUAN

Kemiskinan kekal sebagai cabaran sosioekonomi global yang memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan manusia, khususnya dari sudut keterjaminan makanan (*food security*). Menurut laporan Food and Agriculture Organization (2023), lebih 9.2% penduduk dunia mengalami kekurangan zat makanan, manakala di Malaysia, kadar kemiskinan relatif meningkat pasca pandemik COVID-19, menandakan bahawa ketidakjaminan makanan masih menjadi isu mendasar dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah (Department of Statistics Malaysia, 2022). Ketidakcukupan bekalan makanan bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal, tetapi juga keseimbangan mental dan spiritual masyarakat, yang akhirnya menggugat kelestarian sosial negara (Wahab & Rahman, 2011). Dalam konteks Islam, keterjaminan makanan berhubung rapat dengan maqāsid al-sharī'ah, khususnya penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*). Ia menuntut agar keperluan asas manusia dilindungi melalui pengagihan sumber secara adil dan beretika (Sabiq, 1985). Zakat, sebagai salah satu rukun Islam, berperanan penting dalam mencapai keadilan sosial melalui agihan kekayaan yang menyeluruh. Fungsi zakat bukan sekadar mekanisme ekonomi, tetapi turut menjadi instrumen kebijakan dan dakwah yang mengintegrasikan dimensi spiritual serta material (Aminuddin, Wahid & Noor, 2017; Ab Rahman & Yeap, 2019).

Bagi memperkuat fungsi tersebut, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah memperkenalkan Program Bank Makanan sejak 2018 sebagai model agihan zakat berasaskan komuniti. Program ini meletakkan masjid sebagai pusat agihan utama yang menyatukan fungsi ibadah dan kebajikan masyarakat Islam (Zainal, Mustaffa & Othman, 2019). Pendekatan ini selaras dengan konsep *dakwah bil-hāl* yang menzahirkan nilai ihsan dan solidariti sosial terhadap golongan asnaf fakir dan miskin. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program ini turut berdepan dengan pelbagai cabaran seperti penentuan kelayakan asnaf, keterbatasan sumber kewangan dan persepsi masyarakat terhadap ketelusan tadbir urus zakat (Ismail, Wahid & Noor, 2018). Hambari, Arif dan Zaim (2020) menegaskan bahawa keberkesanan program zakat banyak bergantung kepada struktur tadbir urus, profesionalisme amil dan mekanisme pemantauan yang sistematik.

Kajian literatur menunjukkan bahawa pelbagai penyelidikan telah meneliti peranan zakat dalam pembangunan ekonomi dan sosial, namun penyelidikan empirikal yang menilai pengalaman dan persepsi asnaf terhadap program bantuan makanan masih terhad. Kajian Hassan dan Rahman (2012) misalnya, menekankan bahawa kejayaan program bantuan makanan bergantung pada ketepatan sasaran dan ketelusan pelaksanaan, manakala Ismail, Wahid dan Noor (2018) mendapati persepsi positif asnaf berkait rapat dengan kemudahan capaian dan keadilan agihan. Namun begitu, tumpuan kebanyakan kajian masih berorientasikan analisis institusi, bukan pengalaman penerima secara langsung. Kekosongan ini menimbulkan keperluan untuk menilai secara empirikal bagaimana asnaf menilai keberkesanan agihan, peranan masjid, dan tahap kepuasan terhadap bantuan yang diterima.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menilai persepsi asnaf terhadap pelaksanaan Program Bank Makanan LZNK, dengan fokus kepada keberkesanan agihan di masjid, profesionalisme amil, serta impak program terhadap kesejahteraan hidup penerima. Kajian ini dijangka memberi sumbangan signifikan terhadap pengukuhan model pengurusan zakat berasaskan komuniti (*community-based zakat management*) serta memperkayakan wacana ilmiah tentang integrasi antara maqāsid al-sharī'ah, keterjaminan makanan dan kesejahteraan sosial. Secara praktikal, hasil kajian ini boleh menjadi asas kepada penambahbaikan dasar kebajikan Islam yang lebih lestari dan inklusif, khususnya dalam mengoptimumkan peranan masjid sebagai pusat kebajikan yang mendukung keadilan sosial serta kesejahteraan ummah.

SOROTAN LITERATUR

Zakat merupakan instrumen utama dalam sistem ekonomi Islam yang berfungsi mengagihkannya semula kekayaan bagi mencapai keadilan sosial dan kesejahteraan masyarakat. Dalam konteks pembangunan ekonomi, zakat berperanan mengurangkan jurang pendapatan dan membasmi kemiskinan melalui pendekatan redistributif yang berasaskan prinsip *maqāsid al-sharī'ah* (Sābiq, 1985). Kajian oleh Aminuddin, Wahid dan Noor (2017) menegaskan bahawa kecekapan pengurusan

zakat mempengaruhi keberkesanan program kebajikan Islam, manakala Wahab dan Rahman (2011) menekankan kepentingan tadbir urus baik (*good governance*) dalam memastikan ketelusan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Dalam kerangka pembangunan mampan, institusi zakat yang efektif mampu berperanan sebagai agen sosial dan ekonomi yang memulihkan keseimbangan masyarakat melalui mekanisme pengagihan berasaskan keadilan dan solidariti (*ukhuwah*).

Masjid berfungsi bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat kebajikan sosial dan pembangunan komuniti Islam. Pengalaman pelaksanaan zakat berasaskan masjid di Malaysia memperlihatkan kesan positif terhadap keberkesanan agihan, disebabkan keakraban amil dengan komuniti setempat dan keupayaan mengenal pasti asnaf sebenar (Ab Rahman & Yeap, 2019). Konsep ini selari dengan *dakwah bil-ḥāl*, iaitu pendekatan dakwah melalui tindakan kebajikan yang menzahirkan nilai ihsan dan empati terhadap golongan miskin. Kajian oleh Hambari, Arif dan Zaim (2020) menegaskan bahawa keberkesanan sistem zakat bergantung pada profesionalisme amil dan sistem pemantauan yang tersusun. Dalam konteks ini, pelaksanaan Program Bank Makanan LZNK sejak 2018 menjadi inovasi penting kerana ia menggabungkan peranan masjid sebagai pusat agihan dengan sistem pemantauan berstruktur bagi memastikan keadilan, ketepatan sasaran dan keterjaminan makanan kepada asnaf.

Isu ketidakjaminan makanan (*food insecurity*) dalam kalangan asnaf merupakan antara dimensi kemiskinan yang semakin mendapat perhatian dalam penyelidikan kontemporari. Menurut Zainal, Mustaffa dan Othman (2019), model *Foodbank LZNK* menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG-2: Zero Hunger) melalui penyediaan bekalan makanan asas kepada golongan rentan. Kajian oleh Hassan dan Rahman (2012) menunjukkan bahawa kejayaan program bantuan makanan bergantung pada ketepatan mengenal pasti penerima dan kecekapan pengurusan, manakala Ismail, Wahid dan Noor (2018) menekankan pentingnya ketelusan serta persepsi positif penerima terhadap institusi zakat. Dalam konteks ini, keterjaminan makanan bukan hanya bersifat material, tetapi turut mencerminkan penjagaan nyawa (*ḥifẓ al-nafs*) sebagai salah satu objektif *maqāṣid al-sharīʿah*. Kredibiliti dan profesionalisme amil merupakan faktor penentu kepada persepsi positif asnaf terhadap institusi zakat. Kajian Amir et al. (2013) dan Mansor, Suyurno, dan Che Man (2014) menegaskan bahawa peranan amil bukan sekadar penyampai bantuan, tetapi juga sebagai agen dakwah dan pembinaan spiritual dalam komuniti. Sikap adil, empati dan akauntabiliti amil meningkatkan kepercayaan penerima terhadap sistem zakat. Tambahan pula, Ab Rahman dan Wahid (2019) menunjukkan bahawa penglibatan aktif amil di masjid memperkuat jaringan sosial dan menyumbang kepada pembentukan model pengurusan zakat berasaskan komuniti yang lebih efektif.

Walaupun banyak kajian telah meneliti keberkesanan agihan zakat dari perspektif institusi dan pengurusan, penyelidikan empirikal yang menilai pengalaman penerima secara langsung masih terhad. Kajian lepas lebih menumpukan kepada analisis organisasi, sedangkan dimensi pengalaman dan persepsi asnaf terhadap keberkesanan program kebajikan masih belum diteroka secara menyeluruh. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan menilai tiga konstruk utama: (i) profil sosioekonomi asnaf, (ii) pelaksanaan program melalui masjid, dan (iii) tahap kepuasan serta kesejahteraan penerima. Pendekatan ini diharap dapat memperkayakan wacana pengurusan zakat kontemporari melalui integrasi konsep *maqāṣid al-sharīʿah*, keterjaminan makanan dan pengukuhan peranan masjid sebagai pusat kebajikan Islam yang mampan. Sorotan literatur ini menunjukkan bahawa zakat memainkan peranan holistik dalam menjamin keadilan sosial, namun keberkesananannya sangat bergantung pada pendekatan pelaksanaan yang berasaskan komuniti, sistem tadbir urus yang telus, dan penglibatan aktif institusi masjid. Kajian ini menegaskan keperluan untuk memahami pengalaman asnaf secara empirikal bagi menilai sejauh mana *Program Bank Makanan LZNK* berjaya mencapai objektif kebajikan Islam dan menyokong prinsip *ḥifẓ al-nafs* dalam kerangka *maqāṣid al-sharīʿah*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif kuantitatif melalui kaedah tinjauan (*survey research*) bagi menilai persepsi asnaf terhadap pelaksanaan Program Bank Makanan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Kaedah ini dipilih kerana sesuai untuk memperoleh data daripada sampel besar yang

mewakili pelbagai latar demografi secara sistematik. Instrumen utama kajian ialah soal selidik berstruktur yang mengandungi soalan tertutup menggunakan skala Likert lima mata (1 = Amat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju). Soal selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu Bahagian A yang meneliti profil demografi responden, Bahagian B yang menilai persepsi terhadap pelaksanaan program Bank Makanan, dan Bahagian C yang menumpukan kepada tahap kepuasan serta kesejahteraan penerima bantuan. Struktur soal selidik ini membolehkan pengkaji mendapatkan gambaran menyeluruh tentang dimensi pelaksanaan program dan persepsi penerima terhadap keberkesannya dalam konteks kebajikan Islam dan pengurusan zakat berasaskan komuniti. Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 responden yang tidak termasuk dalam sampel sebenar. Soal selidik turut dinilai oleh dua pakar dalam bidang pengurusan zakat dan metodologi penyelidikan bagi menilai kesesuaian kandungan dan kejelasan item. Pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach = 0.91, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang sangat tinggi dan konsisten bagi semua konstruk yang diukur.

Populasi kajian terdiri daripada asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan di bawah Program Bank Makanan LZNK, dianggarkan seramai 23,600 orang di seluruh negeri Kedah. Berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970), jumlah minimum sampel yang disarankan ialah 377 orang. Walau bagaimanapun, kajian ini melibatkan 240 responden sahaja, disebabkan kekangan masa lapangan dan capaian terhadap penerima aktif di lokasi kajian. Tambahan pula, pemilihan saiz sampel ini mengambil kira struktur pelaksanaan program di peringkat masjid, di mana setiap masjid menampung purata 40 penerima tetap dalam setiap kitaran agihan bantuan. Oleh itu, enam buah masjid telah dipilih secara pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), meliputi tiga kawasan bandar dan tiga kawasan luar bandar, bagi menjamin kepelbagaian sosioekonomi dan geografi penerima. Masjid yang terlibat ialah Masjid Sharifah Fatimah (Jitra), Masjid Rizwaniah (Baling) dan Masjid Zahir (Alor Setar) bagi kategori bandar, serta Masjid al-Busyra (Kuala Kedah), Masjid Tandop Besar (Padang Terap) dan Masjid Bendang Bukit (Pendang) bagi kategori luar bandar. Pemilihan ini sejajar dengan objektif kajian yang menilai persepsi penerima yang terlibat secara langsung dan konsisten dengan program tersebut.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 29 melalui analisis deskriptif yang merangkumi kekerapan, peratusan dan skor min. Interpretasi skor min dibuat berdasarkan julat (Nunnally 1978) iaitu 1.00–2.33 (rendah), 2.34–3.66 (sederhana), dan 3.67–5.00 (tinggi). Pendekatan ini membolehkan penilaian empirikal dibuat terhadap tahap persepsi dan kepuasan asnaf, seterusnya memberikan gambaran menyeluruh mengenai keberkesanan pelaksanaan Program Bank Makanan LZNK berasaskan pendekatan kebajikan Islam dan prinsip *maqāṣid al-sharīʿah*.

DAPATAN KAJIAN

a) Demografi

Bahagian ini memberikan gambaran umum mengenai latar belakang demografi responden yang terlibat dalam kajian ini. Maklumat demografi penting untuk memahami konteks sosial penerima bantuan, kerana faktor seperti jantina, umur, status perkahwinan, pekerjaan, tahap pendidikan dan pendapatan berpotensi mempengaruhi persepsi terhadap keberkesanan program zakat.

Jadual 1: Data Demografi Responden Kategori Perkara, Kekerapan, dan Peratus (%)

Kategori	Perkara	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	81	33.8
	Perempuan	98	66.3
Kumpulan Umur	18 tahun	6	2.5
	19-49 tahun	98	40.6
	50 tahun ke atas	136	56.7
Status	Bujang	32	13.3
Perkahwinan	Duda	7	2.9

	Janda	68	28.3
	Berkahwin	133	55.4
Pekerjaan	Kerajaan	4	1.7
	Swasta	24	10.0
	Sendiri	212	88.3
Taraf Pendidikan	UPSR	81	33.8
	PMR	53	22.1
	SPM	102	42.5
	Ijazah	4	1.7
Pendapatan	Kurang dari RM1000	196	81.7
	RM1000-RM3000	44	18.3
	RM3001-RM5000	0	0
	RM5000-RM7000	0	0

Sumber: Borang soal selidik 2024

Berdasarkan jadual di atas, majoriti penerima bantuan terdiri daripada wanita dan golongan berusia yang menunjukkan pergantungan tinggi terhadap sokongan kebajikan, khususnya dalam kalangan ibu tunggal dan warga emas. Dari segi status perkahwinan, kebanyakan responden masih berkahwin, namun terdapat juga kelompok besar yang terdiri daripada janda dan ibu tunggal, menggambarkan keperluan sokongan berterusan bagi golongan rentan ini. Sebahagian besar responden bekerja sendiri dalam sektor tidak formal, menunjukkan ketidakstabilan pendapatan dan ketiadaan jaminan sosial yang kukuh. Tahap pendidikan yang rendah, terhad pada peringkat sekolah rendah dan menengah, turut menjelaskan kesukaran mereka untuk mendapat pekerjaan bergaji tinggi. Seterusnya, dapatan menunjukkan hampir semua responden mempunyai pendapatan di bawah RM3,000 sebulan, dengan majoritinya berada di bawah paras RM1,000, sekali gus mengesahkan status mereka sebagai asnaf fakir miskin yang sah menerima bantuan zakat. Secara keseluruhannya, profil demografi ini menunjukkan bahawa penerima Program *Foodbank LZNK* ialah kumpulan masyarakat yang benar-benar memerlukan bantuan asas untuk kelangsungan hidup. Ia menegaskan peranan penting LZNK dalam menyediakan jaringan keselamatan sosial Islam yang menyasarkan golongan paling terkesan secara ekonomi dan sosial, selaras dengan prinsip *maqāsid al-sharī'ah* dalam menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) dan menegakkan keadilan sosial dalam masyarakat.

b) Profil Penerima Bantuan

Bahagian ini bertujuan menganalisis profil penerima bantuan *Foodbank Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)* bagi memahami ciri-ciri sosioekonomi dan latar belakang asnaf fakir miskin yang menjadi penerima utama program ini. Profil asnaf merupakan indikator penting dalam menilai sejauh mana pelaksanaan bantuan menepati sasaran sebenar, iaitu golongan yang benar-benar memerlukan dan berada di bawah paras kemiskinan. Penilaian ini juga membantu menelusuri hubungan antara tahap ketidakmampuan ekonomi dan kebergantungan terhadap zakat dalam kalangan penerima bantuan makanan. Data Jadual 1 di bawah menunjukkan profil asnaf fakir miskin yang menerima bantuan Bank Makanan LZNK berdasarkan pelbagai faktor.

Jadual 1: Taburan Profil Asnaf Berdasarkan Kekerapan, Peratus dan Min

Profil Asnaf Fakir Miskin	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Purata Mata
1. Saya Tiada Pendapatan untuk Membeli Makanan Asas	1 (0.4%)	2 (0.8%)	3 (1.3%)	27 (11.3%)	207 (86.3%)	240 (100%)	4.82

2.Saya Kekurangan Wang untuk Membeli Makanan	0 (0%)	1 (0.4%)	4 (1.7%)	37 (15.4%)	198 (82.5%)	240 (100%)	4.80
3.Saya Jatuh Miskin Lalu Terputus Bekalan Makanan	1 (0.4%)	5 (2.1%)	7 (2.9%)	24 (10.0%)	203 (84.6%)	240 (100%)	4.76
4. Saya Penerima Wang Zakat Bulanan	17 (7.1%)	7 (2.9%)	20 (8.3%)	31 (12.9%)	165 (68.8%)	240 (100%)	4.33
5. Saya Mempunyai Masalah Kewangan	0 (0%)	1 (0.4%)	5 (2.1%)	42 (17.5%)	192 (80.0%)	240 (100%)	4.77
6. Saya Kehilangan Kerja Baru-Baru Ini	7 (2.9%)	5 (2.1%)	11 (4.6%)	31 (12.9%)	186 (77.5%)	240 (100%)	4.60
7. Saya Mempunyai Masalah Kesihatan	5 (2.1%)	3 (1.3%)	2 (0.8%)	26 (10.8%)	204 (85.0%)	240 (100%)	4.75
8. Saya Tidak Mempunyai Upaya untuk Bekerja	6 (2.5%)	3 (1.3%)	2 (0.8%)	18 (7.5%)	211 (87.9%)	240 (100%)	4.77
Jumlah	37	27	84	236	1566	240	4.83

Sumber: Borang soal selidik 2024

Berdasarkan Jadual 1, keseluruhan purata min bagi lapan item berkaitan profil asnaf adalah tinggi (min = 4.83), menandakan bahawa penerima bantuan *Foodbank LZNK* benar-benar terdiri daripada golongan yang memerlukan. Semua item mencatat skor melebihi 4.0, menunjukkan wujud kekangan ekonomi serius dan kekurangan sumber pendapatan asas. Item dengan skor tertinggi, “*Saya tidak mempunyai upaya untuk bekerja*” (min = 4.83), memperlihatkan bahawa sebahagian besar penerima terdiri daripada individu yang tidak berdaya secara fizikal atau mental akibat keuzuran, usia lanjut, atau penyakit kronik. Dapatan ini konsisten dengan definisi asnaf fakir miskin yang dijelaskan oleh Abdul Rahman dan Ahmad (2019), iaitu golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan tidak berkeupayaan mencari rezeki. Penemuan ini mengesahkan pelaksanaan program *Foodbank LZNK* sejajar dengan prinsip *maqāsid al-sharī‘ah*, khususnya aspek *hifz al-nafs* (penjagaan nyawa) melalui penyediaan bantuan makanan kepada golongan paling rentan.

Selain ketidakupayaan bekerja, majoriti responden melaporkan tiada pendapatan tetap dan kekurangan wang untuk membeli makanan asas (min = 4.80–4.82), sekali gus mengesahkan bahawa kebanyakan mereka hidup di bawah garis kemiskinan dan bergantung sepenuhnya kepada zakat. Keadaan ini selari dengan sistem *had kifayah* yang digunakan oleh LZNK untuk menentukan kelayakan penerima bantuan, di mana hanya mereka yang benar-benar tidak mempunyai sumber kewangan dikategorikan sebagai asnaf fakir miskin. Di samping itu, sekitar 85% responden dilaporkan menghadapi masalah kesihatan yang menjejaskan keupayaan bekerja. Hal ini menyokong pandangan Mansor, Suyurno dan Che Man (2014) bahawa penyakit dan keuzuran merupakan antara indikator utama kemiskinan kerana ia menghalang individu menunaikan tanggungjawab ekonomi dan keagamaan. Bantuan tetap melalui program *Foodbank LZNK* membolehkan mereka memperoleh bekalan makanan asas secara berkala, selaras dengan konsep kebajikan Islam yang menekankan keadilan sosial dan kesejahteraan manusia.

Dapatan juga menunjukkan bahawa sebahagian besar responden kehilangan pekerjaan dan jatuh miskin sehingga terputus bekalan makanan (min = 4.60–4.76). Situasi ini menggambarkan fungsi *Foodbank LZNK* sebagai jaringan keselamatan sosial Islam (Islamic social safety net) yang membantu mengurangkan risiko ketidakjaminan makanan dalam kalangan komuniti berpendapatan rendah. Penemuan ini menyokong dapatan Hazwan Syah et al. (2021) yang menegaskan bahawa zakat dapat berfungsi sebagai mekanisme pemulihan ekonomi dalam menghadapi ketidakpastian sosioekonomi. Dapatan turut seiring dengan pandangan Hambari, Arif dan Zaim (2020) bahawa agihan zakat yang sistematik mampu mengembalikan keseimbangan ekonomi melalui solidariti sosial dan empati kemanusiaan.

Akhir sekali, walaupun hanya 68.8% responden mengakui sebagai penerima zakat bulanan, hal ini menunjukkan bahawa LZNK melaksanakan pendekatan kebajikan yang holistik dan pelbagai bentuk bantuan, bukan hanya bantuan tunai, tetapi juga sokongan makanan asas yang lebih lestari. Secara keseluruhan, profil penerima dalam kajian ini konsisten dengan dapatan Ismail, Wahid dan Noor (2018) serta Wahab dan Rahman (2011) yang menunjukkan bahawa penerima zakat di Malaysia lazimnya terdiri daripada individu berpendapatan tidak tetap, berpendidikan rendah, dan berisiko tinggi terhadap kemiskinan struktural. Oleh itu, analisis ini mengesahkan secara empirikal bahawa *Foodbank LZNK* telah dilaksanakan berdasarkan keutamaan asnaf sebenar, sekali gus memperkukuh fungsi zakat sebagai instrumen pembangunan sosial Islam yang menegakkan prinsip keadilan, solidariti dan kesejahteraan komuniti.

c) Persepsi Asnaf terhadap Pelaksanaan Program Bank Makanan LZNK di Masjid

Bahagian ini membincangkan persepsi asnaf terhadap pelaksanaan *Program Bank Makanan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK)* yang dilaksanakan melalui jaringan masjid di seluruh negeri Kedah. Tujuannya ialah menilai sejauh mana program ini berkesan dari sudut pelaksanaan, keadilan agihan, peranan amil, serta kesesuaian masjid sebagai pusat pelaksanaan bantuan kebajikan.

Jadual 2: Pola Persepsi Responden terhadap Pelaksanaan Program Bank Makanan Foodbank LZNK di Masjid

Pelaksanaan Program Bank Makanan Foodbank LZNK di Masjid	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Purata Mata
1.Foodbank Membantu Golongan Asnaf untuk Meneruskan Kelangsungan Hidup	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.7%)	18 (7.5%)	218 (90.8%)	240 (100%)	4.89
2.Foodbank Membasmi Kemiskinan di Kalangan Asnaf	2 (0.8%)	1 (0.4%)	12 (0.4%)	31 (12.9%)	194 (80.8%)	240 (100%)	4.73
3.Proses Permohonan untuk Mendapatkan Bantuan Makanan Mudah	3 (1.3%)	9 (3.8%)	27 (11.3%)	31 (12.9%)	170 (70.8%)	240 (100%)	4.48
4.Tempoh Menerima Bantuan Makanan Sangat Cepat	0 (0%)	2 (0.8%)	16 (6.7%)	43 (17.9%)	179 (74.6%)	240 (100%)	4.66
5.Jenis Bantuan Makanan yang Diterima adalah Berbentuk Makanan Asas	0 (0%)	1 (0.4%)	1 (0.4%)	22 (9.2%)	216 (90.0%)	240 (100%)	4.89

6.Jumlah Bantuan Makanan yang Diberikan kepada Golongan Asnaf adalah Mencukupi	7 (2.9%)	3 (1.3%)	24 (10.0%)	32 (13.3%)	174 (72.5%)	240 (100%)	4.51
7.Amil Masjid Mengagihkan Bantuan Makanan kepada Golongan Asnaf Secara Adil	1 (0.4%)	4 (1.7%)	2 (0.8%)	19 (7.9%)	214 (89.2%)	240 (100%)	4.84
8.Sikap Amil Masjid dalam Mengagihkan Bantuan Makanan Sangat Profesional	1 (0.4%)	2 (0.8%)	1 (0.4%)	22 (9.2%)	214 (89.2%)	240 (100%)	4.86
9.Penglibatan Amil Masjid Memudahkan Proses Pengagihan Bantuan	0 (0%)	0 (0%)	2 (0.8%)	21 (8.8%)	217 (90.4%)	240 (100%)	4.90
10.Pihak LZNK Menggunakan Kaedah Agihan yang Tersusun	0 (0%)	1 (0.4%)	4 (1.7%)	17 (7.1%)	218 (90.8%)	240 (100%)	4.88
11. Masjid Merupakan Lokasi yang Strategik dalam Menyampaikan Bantuan	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	16 (6.7%)	224 (93.3%)	240 (100%)	4.93
Jumlah	14	23	93	290	2058	240	4.87

Sumber: borang soal selidik 2024

Berdasarkan Jadual 2, keseluruhan purata min bagi sebelas item persepsi asnaf ialah 4.87, menunjukkan tahap kepuasan yang sangat tinggi terhadap pelaksanaan program *Foodbank LZNK*. Dapatan ini mencerminkan keyakinan dan penerimaan positif penerima terhadap sistem agihan yang dilaksanakan secara tersusun, profesional dan berasaskan nilai ihsan. Item dengan skor tertinggi, "*Masjid merupakan lokasi yang strategik dalam menyampaikan bantuan*" (min = 4.93), menegaskan bahawa masjid berfungsi sebagai pusat kebajikan yang efektif kerana mempunyai kedekatan geografi, sosial dan spiritual dengan komuniti setempat. Dapatan ini selari dengan pandangan Yusof, Ali dan Karim (2023) yang menegaskan bahawa masjid berperanan sebagai pusat pembangunan komuniti (*community development hub*) yang mengintegrasikan fungsi ibadah, pendidikan dan kebajikan. Pemilihan masjid sebagai lokasi agihan juga memperkuat jaringan sosial antara amil dan penerima, sekali gus meningkatkan kecekapan dalam mengenal pasti asnaf sebenar di peringkat kariah.

Item kedua tertinggi, "*Foodbank membantu golongan asnaf untuk meneruskan kelangsungan hidup*" (min = 4.89), menggambarkan bahawa bantuan makanan memainkan peranan penting dalam menangani isu ketidakjaminan makanan (*food insecurity*) dan memastikan kelangsungan hidup golongan miskin bandar dan luar bandar. Hal ini seiring dengan dapatan Aziz dan Nor (2016) yang menegaskan bahawa program kebajikan berasaskan makanan menjadi antara intervensi paling signifikan dalam konteks kemiskinan moden. Dari perspektif Islam, inisiatif ini menzahirkan prinsip

ḥifẓ al-naḥs (penjagaan nyawa) dalam kerangka *maqāṣid al-sharīʿah*, iaitu memastikan kelangsungan hidup manusia melalui jaminan keperluan asas.

Selain itu, item “*Pihak LZNK menggunakan kaedah agihan yang tersusun*” (min = 4.88) dan “*Penglibatan amil masjid memudahkan proses pengagihan bantuan*” (min = 4.90) turut menunjukkan tahap kepercayaan yang tinggi terhadap struktur tadbir urus program. Hal ini mencerminkan pelaksanaan yang sistematik serta pematuhan terhadap *Standard Operating Procedure (SOP)* agihan zakat sebagaimana digariskan dalam *Manual Pengurusan Agihan Zakat* (Syarifah et al., 2019). Keberkesanan ini juga berpunca daripada penglibatan aktif amil masjid yang mengenali konteks sosioekonomi setempat, selaras dengan dapatan Ab Rahman dan Yeap (2019) yang menekankan profesionalisme dan integriti amil sebagai pemacu utama kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat. Item “*Sikap amil masjid dalam mengagihkan bantuan makanan sangat profesional*” (min = 4.86) dan “*Amil masjid mengagihkan bantuan secara adil*” (min = 4.84) memperkukuh dapatan bahawa amil bukan sekadar pentadbir teknikal, tetapi juga agen dakwah yang menzahirkan nilai amanah dan tanggungjawab sosial. Sikap profesional ini sejalan dengan prinsip *al-ʿadl* (keadilan) dan *al-amānah* (kebertanggungjawaban) dalam *maqāṣid al-sharīʿah*, yang menuntut ketelusan serta kesaksamaan dalam pengurusan harta umat (Wahab & Rahman, 2011). Oleh itu, peranan amil di peringkat masjid bukan hanya meningkatkan keberkesanan agihan, tetapi juga memperkukuh kepercayaan dan legitimasi moral terhadap institusi zakat.

Walaupun semua item mencatat skor tinggi, item “*Proses permohonan untuk mendapatkan bantuan makanan mudah*” (min = 4.48) menunjukkan bahawa masih terdapat ruang penambahbaikan dalam aspek prosedur dan penyampaian maklumat kepada penerima baharu. Keadaan ini berpadanan dengan dapatan Ismail, Wahid dan Noor (2018) yang menegaskan bahawa keberkesanan program zakat turut bergantung pada kejelasan komunikasi, ketelusan prosedur serta kecekapan pentadbiran di peringkat akar umbi. Oleh itu, sistem permohonan bantuan perlu diperkemas melalui penggunaan teknologi digital dan saluran komunikasi yang lebih mesra pengguna bagi memastikan bantuan lebih cepat dan inklusif.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa pelaksanaan Program Bank Makanan LZNK melalui masjid berjaya mencapai objektifnya sebagai model pengurusan kebajikan Islam yang sistematik, adil dan berpaksikan nilai spiritual. Program ini bukan sahaja memastikan keterjaminan makanan dalam kalangan asnaf fakir miskin, tetapi turut memperkukuh peranan masjid sebagai institusi sosial yang menyatukan fungsi ibadah, kebajikan dan pembangunan komuniti. Selaras dengan prinsip *maqāṣid al-sharīʿah*, khususnya *ḥifẓ al-naḥs* dan *ḥifẓ al-māl*, model *Foodbank LZNK* di masjid wajar dijadikan asas bagi pengukuhan sistem kebajikan Islam nasional yang berteraskan keadilan, solidariti dan kesejahteraan masyarakat Muslim kontemporari.

d) Persepsi Asnaf terhadap Impak Program Bank Makanan LZNK

Bahagian ini menilai impak Program Bank Makanan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) terhadap kesejahteraan hidup golongan asnaf fakir miskin. Penilaian ini penting untuk memahami bukan sahaja keberkesanan bantuan dari segi pemenuhan keperluan asas, tetapi juga sumbangannya terhadap kesejahteraan sosial, psikologi dan spiritual penerima zakat.

Jadual 3: Pola Tahap Kepuasan Asnaf terhadap Program Bank Makanan Foodbank LZNK

Penerimaan Golongan Asnaf Terhadap Program Bank Makanan Foodbank LZNK	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	Purata Mata
1. Foodbank Memudahkan Proses Pemberian Makanan kepada Golongan Asnaf	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	24 (10.0%)	215 (89.6%)	240 (100%)	4.89

2. Foodbank di Setiap Masjid Kedah Merapatkan Jurang Perhubungan antara Golongan Asnaf dengan Pihak LZNK	0 (0%)	0 (0%)	2 (0.8%)	22 (9.2%)	216 (90.0%)	240 (100%)	4.89
3. Foodbank Menjaga Kepentingan Golongan Asnaf	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	19 (7.9%)	220 (91.7%)	240 (100%)	4.91
4. Masjid Merupakan Lokasi Strategik kepada Penerima Bantuan Makanan	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	11 (4.6%)	228 (95.0%)	240 (100%)	4.95
5. Foodbank Di Masjid Dapat Meningkatkan Aspek Keagamaan dalam Diri Golongan Asnaf	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	11 (4.6%)	228 (95.0%)	240 (100%)	4.95
6. Meningkatkan Keberkesanan Proses Pengurusan Zakat terhadap Golongan Asnaf	0 (0%)	1 (0.4%)	2 (0.8%)	18 (7.5%)	219 (91.3%)	240 (100%)	4.90
7. Dana Zakat melalui Foodbank Diagihkan dengan Cepak	0 (0%)	2 (0.8%)	4 (1.7%)	18 (7.5%)	216 (90.0%)	240 (100%)	4.87
8. Peningkatan Sosial antara Golongan Asnaf dan Pihak LZNK Lebih Terjalin	1 (0.4%)	0 (0%)	1 (0.4%)	22 (9.2%)	216 (90.0%)	240 (100%)	4.88
9. Meningkatkan Kepercayaan Orang Ramai terhadap Pengurusan Zakat	0 (0%)	0 (0%)	2 (0.6%)	19 (7.9%)	219 (91.3%)	240 (100%)	4.90
10. Amil Masjid Tidak Bersikap Pilih Kasih terhadap Penerima Bantuan Makanan	0 (0%)	1 (0.4%)	1 (0.4%)	20 (8.3%)	218 (90.8%)	240 (100%)	4.90
11. Golongan Asnaf Berpuas Hati dengan Pengurusan LZNK di Masjid	0 (0%)	0 (0%)	3 (1.3%)	15 (6.3%)	222 (92.5%)	240 (100%)	4.91
12. Golongan Asnaf Lebih Tenang Menjalani Kehidupan	0 (0%)	3 (1.3%)	2 (0.8%)	19 (7.9%)	216 (90.0%)	240 (100%)	4.87
13. Golongan Asnaf Lebih Gembira Selepas Menerima Foodbank	0 (0%)	1 (0.4%)	1 (0.4%)	18 (7.5%)	220 (91.7%)	240 (100%)	4.90
14. Kehidupan Golongan Asnaf Lebih Tenteram Setelah Menerima Foodbank	1 (0.4%)	0 (0%)	3 (1.3%)	22 (9.2%)	214 (89.2%)	240 (100%)	4.87

15. Program Bank Makanan Foodbank di Setiap Masjid Kedah Wajar Diteruskan	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	6 (2.5%)	234 (97.5%)	240 (100%)	4.98
Jumlah	2	6	25	279	2988	240	4.90

Sumber: borang soal selidik 2024

Berdasarkan Jadual 3, semua item mencatatkan nilai min melebihi 4.50, dengan skor purata keseluruhan 4.90, menunjukkan tahap kepuasan yang sangat tinggi dalam kalangan asnaf terhadap pelaksanaan program *Foodbank LZNK*. Dapatan ini menegaskan bahawa inisiatif tersebut bukan sahaja berjaya memenuhi keperluan asas makanan, tetapi turut meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan menyeluruh penerima bantuan. Item dengan skor tertinggi, "*Program Foodbank di setiap masjid Kedah wajar diteruskan*" (min = 4.98), memperlihatkan tahap penerimaan dan penghargaan tinggi daripada asnaf terhadap keberkesanan dan keperluan berterusan program ini. Hasil ini menggambarkan bahawa penerima bantuan melihat program tersebut bukan sekadar inisiatif sementara, tetapi satu bentuk kebajikan Islam yang wajar dijadikan dasar jangka panjang. Dapatan ini seiring dengan prinsip *maqāṣid al-sharī'ah*, khususnya *ḥifz al-nafs* (penjagaan nyawa) dan *ḥifz al-'ird* (penjagaan maruah), yang menuntut agar keperluan asas manusia dipelihara secara berterusan (Syarifah et al., 2019).

Selain itu, item "*Masjid merupakan lokasi strategik bagi penerima bantuan makanan*" dan "*Program Foodbank di masjid meningkatkan aspek keagamaan dalam diri asnaf*" (masing-masing min = 4.95) memperkukuh bukti bahawa pelaksanaan melalui masjid bukan sahaja berkesan dari segi logistik, tetapi juga berfungsi sebagai ruang pembinaan spiritual dan sosial. Dapatan ini selaras dengan Azman dan Mursyid (2019) yang menegaskan bahawa penglibatan masjid dalam pengurusan zakat memperkukuh fungsi institusi tersebut sebagai pusat kebajikan dan tarbiah masyarakat Islam. Masjid bukan sekadar saluran pengagihan, tetapi juga instrumen dakwah yang membina kesedaran rohani dan rasa syukur dalam kalangan penerima zakat. Item "*Foodbank menjaga kepentingan golongan asnaf*" (min = 4.91) dan "*Asnaf lebih gembira selepas menerima bantuan*" (min = 4.90) menzahirkan dimensi kesejahteraan emosi penerima. Dapatan ini menunjukkan bahawa penerima merasakan keprihatinan dan kasih sayang sosial yang terserlah melalui program ini, selaras dengan pandangan Ismail, Wahid dan Noor (2018) bahawa agihan zakat yang bersifat lestari dapat mengurangkan tekanan psikologi dan meningkatkan harga diri dalam kalangan asnaf. Aspek ini memperlihatkan bahawa keberkesanan zakat tidak hanya diukur melalui indikator ekonomi, tetapi juga melalui impak psikospiritual terhadap kesejahteraan penerima.

Dalam aspek pengurusan dan akauntabiliti, 91.3% responden menyatakan persetujuan tinggi terhadap item "*Meningkatkan keberkesanan pengurusan zakat dan kepercayaan orang ramai terhadap LZNK*" (min = 4.90). Dapatan ini mencerminkan keyakinan tinggi masyarakat terhadap ketelusan, kecekapan dan profesionalisme institusi zakat. Hal ini selari dengan dapatan Wahab dan Rahman (2011) yang menegaskan bahawa tadbir urus yang berintegriti merupakan asas kepada kepercayaan awam dan legitimasi sosial institusi zakat. Keberkesanan *Foodbank LZNK* dalam aspek ini menunjukkan bahawa pendekatan berbasis komuniti mampu meningkatkan reputasi dan kredibiliti institusi zakat di mata masyarakat.

Dari perspektif sosial, 90% responden bersetuju bahawa *Foodbank* berjaya merapatkan hubungan antara asnaf dan pihak LZNK, menggambarkan fungsi program ini sebagai jambatan sosial yang memperkukuh *ukhuwah Islamiyyah*. Dapatan ini sejalan dengan pandangan Hambari, Arif dan Zaim (2020) yang menekankan bahawa keberkesanan program kebajikan Islam perlu menyeimbangkan antara kecekapan pentadbiran dan nilai kemanusiaan. Sementara itu, item "*Asnaf lebih tenang dan tenteram setelah menerima bantuan*" (min = 4.87) menunjukkan kesan psikospiritual positif hasil pelaksanaan program. Seperti yang dinyatakan oleh Nuurul Hidayah et al. (2014), bantuan zakat bukan sahaja memenuhi keperluan fizikal, tetapi juga berperanan memulihkan keseimbangan emosi dan rohani penerima.

Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa Program Bank Makanan LZNK memberikan impak yang komprehensif terhadap kesejahteraan asnaf meliputi aspek material, sosial,

dan spiritual. Program ini telah memperkuat peranan zakat sebagai instrumen pembangunan ummah yang menyatukan fungsi ekonomi, kebajikan dan dakwah. Justeru, model *Foodbank LZNK* yang berpaksikan masjid dan nilai *maqāsid al-sharī'ah* wajar dijadikan rujukan dalam pembentukan sistem kebajikan Islam berasaskan komuniti yang inklusif, telus dan mampan.

Perbincangan

Dapatan kajian ini memberikan implikasi praktikal dan teoritik yang signifikan terhadap pengurusan serta pelaksanaan Program Bank Makanan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Secara keseluruhan, persepsi asnaf terhadap pelaksanaan dan impak program menunjukkan tahap kepuasan yang sangat tinggi, dengan skor purata melebihi 4.5 bagi semua item yang dikaji. Keputusan ini membuktikan bahawa program *Foodbank LZNK* di masjid bukan sahaja memenuhi keperluan asas makanan, tetapi turut memberi kesan sosial, psikologi dan spiritual yang mendalam kepada penerima bantuan.

Pertama, keberkesanan program ini berpunca daripada pendekatan pelaksanaan berasaskan komuniti melalui institusi masjid. Masjid berperanan bukan sekadar tempat ibadah, tetapi sebagai pusat kebajikan dan pembangunan komuniti Islam yang menyeluruh. Dapatan ini selari dengan pandangan Yusof, Ali dan Karim (2023) yang menegaskan bahawa masjid berfungsi sebagai institusi sosial dinamik yang memperkuat *ukhuwah*, memperluas jaringan sokongan, dan mengoptimumkan pengagihan zakat kepada asnaf di peringkat akar umbi. Keberadaan masjid sebagai pusat agihan yang dekat dengan masyarakat bukan sahaja memudahkan proses pemantauan dan penilaian, tetapi juga meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program.

Kedua, persepsi positif terhadap profesionalisme amil masjid dan ketelusan pihak LZNK membuktikan kejayaan sistem pengurusan zakat berasaskan prinsip *good zakat governance*. Dapatan ini menyokong pandangan Wahab dan Rahman (2011) serta Aminuddin, Wahid dan Noor (2017) yang menekankan bahawa keberkesanan agihan zakat dipengaruhi oleh integriti dan kecekapan pentadbiran, termasuk aspek akauntabiliti, ketelusan serta keadilan dalam agihan. Pelaksanaan *Foodbank LZNK* yang menitikberatkan ketepatan sasaran dan pemantauan sistematik telah meningkatkan kepercayaan asnaf terhadap institusi zakat serta mengurangkan persepsi negatif terhadap birokrasi pengagihan. Ketiga, program ini menunjukkan keupayaan luar biasa dalam menangani ketidakjaminan makanan (*food insecurity*), iaitu isu global pasca-pandemik yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan masyarakat berpendapatan rendah. Seperti yang dinyatakan oleh Haniff, Long dan Ahmad (2021), inovasi zakat dalam bentuk bantuan makanan mampu memperkuat daya tahan komuniti miskin terhadap cabaran ekonomi dan sosial. Kejayaan *Foodbank LZNK* membuktikan bahawa institusi zakat mampu beradaptasi dengan cabaran semasa serta berfungsi sebagai mekanisme kebajikan Islam yang responsif terhadap kemiskinan multidimensi.

Keempat, dapatan juga menunjukkan bahawa program ini memberi kesan ketara terhadap kesejahteraan psikospiritual asnaf. Majoriti responden melaporkan rasa tenang (*al-ṭuma'nīnah*), gembira dan berpuas hati selepas menerima bantuan, menandakan keseimbangan emosi dan spiritual yang lebih stabil. Penemuan ini seiring dengan pandangan Mansor, Suyurno, dan Che Man (2014) bahawa agihan zakat yang efektif bukan sahaja memenuhi dimensi material tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan rohani penerima. Dalam konteks ini, *Foodbank LZNK* bukan sekadar program kebajikan, tetapi instrumen *maqāsid al-sharī'ah* dalam menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) dan maruah manusia (*hifz al-'ird*). Akhir sekali, penglibatan aktif amil masjid terbukti sebagai faktor utama kejayaan pelaksanaan program. Amil berperanan bukan sekadar penyampai bantuan, tetapi sebagai perantara kepercayaan antara asnaf dan institusi zakat. Dapatan ini mengesahkan pandangan Ab Rahman dan Yeap (2019) bahawa amil merupakan agen utama dalam membina imej positif institusi zakat dan menjamin keadilan serta empati dalam agihan. Oleh itu, latihan berterusan, pembangunan kompetensi dan pengukuhan nilai amanah dalam kalangan amil perlu diperkasakan bagi memastikan kesinambungan keberkesanan program.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa *Foodbank LZNK* bukan hanya sebuah program kebajikan jangka pendek, tetapi model pembangunan sosial Islam yang holistik dan lestari. Ia berjaya mengintegrasikan fungsi masjid sebagai pusat komuniti, prinsip tadbir urus zakat yang berintegriti, serta objektif *maqāsid al-sharī'ah* dalam melestarikan kesejahteraan ummah.

Pendekatan ini wajar diperluas ke seluruh negeri dan dijadikan model nasional pengurusan bantuan makanan Islamik yang menyeimbangkan nilai spiritual, keadilan sosial dan keberkesanan ekonomi.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa Program Bank Makanan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) yang dilaksanakan melalui jaringan masjid telah berjaya mencapai objektif kebajikan Islam secara sistematik, telus dan berasaskan komuniti. Dapatan empirikal menunjukkan bahawa majoriti penerima bantuan benar-benar memenuhi kriteria asnaf fakir miskin — termasuk golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap, kehilangan pekerjaan, menghadapi masalah kesihatan, dan tidak berupaya bekerja. Persepsi positif asnaf terhadap keberkesanan pelaksanaan, kecekapan agihan dan profesionalisme amil masjid menegaskan keberhasilan sistem pengurusan zakat yang berintegriti dan responsif kepada keperluan sebenar penerima. Lebih signifikan, impak program terhadap kesejahteraan emosi, sosial dan spiritual penerima membuktikan bahawa *Foodbank LZNK* bukan sekadar memenuhi keperluan fizikal, tetapi turut memperkukuh dimensi kemanusiaan, solidariti sosial dan kesejahteraan jiwa. Program ini juga mengangkat semula peranan masjid sebagai pusat komuniti Islam yang dinamik dan inklusif, serta memperkukuh hubungan sosial antara institusi zakat dan masyarakat setempat. Dari perspektif Islam, kejayaan program ini selaras dengan prinsip *maqāṣid al-sharī'ah* yang menekankan penjagaan nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), maruah (*ḥifẓ al-'ird*), dan keadilan sosial (*'adl*). Oleh itu, *Foodbank LZNK* bukan sahaja menepati matlamat zakat sebagai instrumen pembangunan sosial Islam, tetapi turut menjadi model kebajikan Islam yang mampan dan boleh dijadikan rujukan di peringkat nasional.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diakui. Pertama, skop penyelidikan terhad kepada enam buah masjid di negeri Kedah, menjadikan dapatan tidak mewakili keseluruhan konteks pelaksanaan zakat di Malaysia. Kedua, reka bentuk kajian berbentuk tinjauan kuantitatif tidak membolehkan analisis mendalam terhadap pengalaman rohani dan naratif peribadi penerima bantuan. Ketiga, reka bentuk *cross-sectional* yang digunakan mengehadkan penilaian terhadap kesan jangka panjang program terhadap kesejahteraan asnaf. Bagi memperkukuh pemahaman akademik dan praktikal pada masa hadapan, disarankan agar kajian susulan dilaksanakan menggunakan pendekatan campuran (*mixed-methods*) yang menggabungkan data kuantitatif dan kualitatif, melibatkan lebih banyak negeri serta pelbagai latar institusi zakat. Kajian lanjutan juga wajar meneliti dimensi kepuasan rohani, daya tahan psikospiritual dan kesan jangka panjang program terhadap mobiliti sosial asnaf. Dengan pendekatan sedemikian, keberkesanan model kebajikan Islam berasaskan komuniti seperti *Foodbank LZNK* dapat dinilai secara lebih holistik dan menyeluruh dalam kerangka pembangunan ummah yang berteraskan *maqāṣid al-sharī'ah*.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak memerlukan kelulusan etika formal kerana ia melibatkan responden dewasa yang memberi maklum balas secara sukarela melalui borang soal selidik tanpa pendedahan identiti peribadi. Walau bagaimanapun, semua prosedur kajian dilaksanakan mengikut prinsip etika penyelidikan sosial, termasuk mendapatkan persetujuan termaklum (*informed consent*), menjaga kerahsiaan maklumat, serta memastikan data digunakan hanya untuk tujuan akademik.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

SUMBANGAN PENULIS

Siti Nurjannati bertanggungjawab merangka idea asal kajian, mereka bentuk metodologi, menjalankan pengumpulan dan analisis data, serta menyediakan draf awal penulisan artikel. Abdul

Ghfar Don dan Anuar Puteh pula menyemak semula keseluruhan artikel, memberikan input kritikal terhadap analisis dan perbincangan. Mereka telah menyemak dan meluluskan versi akhir artikel untuk penerbitan.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A. & Yeap, M. J. M. F. (2019). Memperkasa pengurusan agihan zakat di institusi masjid Malaysia: Isu dan cabaran. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6(2-2): 73–83. <https://doi.org/10.11113/umran2019.6n2-2.384>
- Abdul Rahman, T. & Ahmad, H. (2019). Penilaian kelayakan asnaf fakir dan miskin berdasarkan had kifayah. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 1(4): 23–41.
- Aminuddin, A. F., Wahid, H. & Noor, M. A. M. (2017). Kecekapan pengurusan kewangan dan pengurusan agihan zakat: Kajian terhadap Majlis Agama Islam Johor. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 4(3): 52–66. <https://doi.org/10.11113/umran2017.4n3.163>
- Amir, S., Suliaman, I., Abd Razzak, M. M., Mohd Yusoff, M. Y. Z., Abdullah, M. Ahmad Shah, F., Deraman, F., Ahmad, K., Mohd Noor, M. M., Touhami Meftah, J., Ariffin, S. K., Kassir, A., Mohd Nor, M. R., Abdul Hamid, A. F. (2013). Islam and Muslim in multi-religious society: Realities and challenges in Sabah, Malaysia. *Middle East Journal of Scientific Research* 13(2): 145–153. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.2.1765>
- Aziz, M. A. A. & Nor, M. R. M. (2016). Perspektif Islam: Krisis makanan dunia. *Al Qimah Al Mudhafah: The Journal of Management and Science* 2(1): 62–75. <https://jurnal.usas.edu.my/alqimah/index.php/journal/article/view/62>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2025). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hambari, H., Arif, A.A. & Zaim, M. A. (2020). The role of zakat institution in facing Covid-19. Dalam *Indonesian Conference of Zakat-Proceedings*, hlm. 119–126. Semarang: BAZNAS Indonesia.
- Haniff, H.S.N.A., Long, M. N. H. & Ahmad, N.H. (2021). Inisiatif dan inovasi institusi zakat era pandemik Covid-19 – Satu penelitian terhadap Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *International Journal of Islamic Business* 6(2): 1–14. <https://doi.org/10.32890/ijib2021.6.2.1>
- Hassan, N. & Rahman, A. A. (2012). Pengalaman Program Bantuan Makanan di Malaysia: Kajian di Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Terpilih. *Jurnal Syariah* 20: 1–22. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/22627/11227>
- Ismail, N., Wahid, H. & Noor, M. A. M. (2018). Persepsi asnaf Orang Asli terhadap agihan bantuan zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS): Kajian di Perkampungan Orang Asli Daerah Sepang, Selangor. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia PERKEM ke-13, Bangi, Selangor, 173–185.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607–610.
- Mansor, N. H., Suyurno, S. S. & Che Man, N. (2014). Pemerikasaan agihan zakat sebagai medium pembangunan masyarakat Islam. Dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*, Universiti Malaysia Sabah: 1–14. <https://www.ukm.my/rsde/wp-content/uploads/2014/11/10-perkasa-zakat.pdf>
- Nunnally, J. C. (1978). An overview of psychological measurement. *Clinical diagnosis of mental disorders: A handbook*, 97–146.
- Sabiq, S. (1985). *Fiqh al-Sunnah* (Vol. 3). Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Wahab, N. A. & Rahman, A. R. A. (2011). A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 2(1): 43–62. <https://doi.org/10.1108/17590811111129508>
- Zainal, H., Mustaffa, M. F. & Othman, Z. (2019). Zero hunger and sustainable development goals: Model of food bank centre by Lembaga Zakat Negeri Kedah. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6(2-2): 85–90.

SENARAI PENGARANG

Siti Nurjannati Mohamed (Penulis Penghubung)

Pelajar Sarjana

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 UKM Bangi,

Selangor, Malaysia.

E-mel: p118425@siswa.ukm.edu.my

Prof Dr. Abdul Ghafar Don

Profesor,

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mel: a.g.don@ukm.edu.my

Anuar Puteh

Pensyarah Kanan

Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

E-mel: anteh@ukm.edu.my